



جابتن ائام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(98)

Tarikh: 11 | Jamadilakhir 1447
2 | Disember 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	5 Disember 2025 / 14 Jamadilakhir 1447
Tajuk	Jauhi Maksiat, Pelihara Maruah

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 5 DISEMBER 2025

PERKARA: “PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 8/2025”

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Di sini ada satu pengumuman, iaitu Kerajaan Negeri Perak menjemput Jemaah sekalian hadir beramai-ramai ke Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan yang akan berlangsung seperti ketetapan berikut :

 Tarikh: 8 Disember 2025, hari Isnin

 Masa: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari

 Bertempat di Stadium Indera Mulia, Ipoh

 Datang & berinteraksi terus dengan Kerajaan Negeri Perak! Bawa pandangan, cadangan atau apa jua masalah – Kerajaan negeri sedia mendengar dan membantu.

✓ Pelbagai jabatan & agensi kerajaan yang bersedia mendengar dan membantu menyelesaikan pelbagai aduan dan menerima cadangan serta buah fikiran masyarakat

✓ Khidmat kaunter bergerak & perkhidmatan segera agensi kerajaan terus kepada masyarakat

✓ Terdapat juga program membantu rakyat mendapatkan barangan keperluan harian pada harga yang lebih murah bermula 9.00 pagi hingga 5 petang.

✓ Jualan murah & rahmah dengan pelbagai barang keperluan harian kepada masyarakat setempat dengan harga yang berpatutan dan mampu milik:

Turut disediakan;

 **KAUNTER BERGERAK**

 **KAUNTER PAMERAN**

 Masuk adalah PERCUMA!

 Jangan lepaskan peluang ini untuk Jemaah mendapatkan pelbagai kemudahan, perkhidmatan dan maklumat terkini.

Semoga Jemaah sekalian diberkati dan dipermudahkan urusan oleh Allah SWT.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“JAUHI MAKSIAH, PELIHARA MARUAH”

5 Disember 2025 / 14 Jamadil Akhir 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَمَرَ بِالتَّقْوَى، وَنَهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ، وَدَعَانَا إِلَى طَهَارَةِ الْقُلُوبِ وَصَلَاحِ الْأَعْمَالِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، يَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya dengan takwa, hidup kita mendapat pimpinan, keluarga kita memperoleh keberkatan dan negeri kita dianugerahi keselamatan serta kesejahteraan. Mimbar hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk: “JAUHI MAKSIAH, PELIHARA MARUAH”

Maksiat (المعصية) bermaksud melanggar, menderhaka, menyalahi perintah atau menentang. Menurut istilah syarak, maksiat bermaksud segala perbuatan atau tingkah laku yang melanggar perintah Allah dan Rasul Nya, sama ada secara zahir atau batin. Khatib pada hari ini akan memberi tumpuan kepada maksiat berkaitan maruah.

Islam agama yang mementingkan maruah manusia. Allah SWT melarang keras segala bentuk perbuatan yang mencemarkan kesucian maruah dan keturunan. Firman Allah SWT:

﴿وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا ٣٢﴾

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan agar bertaqwa

Bermaksud: "Dan janganlah kamu mendekati zina. Sesungguhnya zina itu suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk (yang membawa kerosakan)."

(Surah al-Isra' ayat 32)

Menurut Ibnu Kathir, ayat ini bermaksud Allah SWT melarang zina, dan menegah semua perkara yang boleh membawa seseorang mendekati zina seperti berkhawat, pergaulan bebas dan pakaian mencolok mata.

Hadirin yang dirahmati Allah,

Negeri Perak Darul Ridzuan mempunyai undang-undang untuk mencegah dan menangani maksiat berkaitan maruah. Enakmen Jenayah Syariah 1992 memperuntukkan beberapa kesalahan antaranya perbuatan tidak sopan, khalwat, persetubuhan haram, bersekedudukan, pelacuran, hamil tanpa nikah, mendedahkan tubuh di tempat awam serta apa-apa perbuatan yang menggalakkan maksiat. Kesalahan-kesalahan ini, jika disabitkan kesalahan, boleh didenda sehingga 5000 ringgit, atau penjara sehingga tiga tahun, juga sebatan.

Peruntukan undang-undang ini bukan bertujuan menghukum semata-mata. Undang-undang ini juga sebahagian usaha pencegahan demi memelihara maqasid syariah, yakni menjaga keturunan (*hifz al-nasl*) dan menjaga maruah (*hifz al-'ird*).

Maksiat kebiasaannya tidak bermula dengan perbuatan besar; sering kali perbuatan maksiat bermula dengan perkara kecil, seperti pandangan mata, gurauan, bersentuhan, bermesej, berdua-duaan, dan penggunaan media sosial tanpa kawalan. Apabila pintu maksiat dibuka, syaitan akan mengambil peluang membuka langkah seterusnya sehingga seseorang terjerumus melakukan dosa besar. Rasulullah SAW bersabda:

لَا يَخْلُونَنَّ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ الشَّيْطَانُ ثَالِثَهُمَا

Bermaksud: "Jangan sekali-kali seorang lelaki bersunyi dengan seorang perempuan (yang bukan mahram), melainkan syaitan akan menjadi yang ketiga antara mereka berdua." (Hadis riwayat al-Tirmizi dan Ahmad)

Fitnah maksiat pada zaman ini semakin lama semakin berat kerana fitnah semakin dekat dan mudah dilakukan. Perbuatan maksiat kini sudah berada di hujung jari. Aplikasi tidak bermoral, kandungan lucah, hiburan melampau dan budaya bebas telah meningkatkan gejala maksiat yang membimbangkan. Data terbaharu yang dilaporkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Masyarakat dan Keluarga, bahawa antara tahun 2020 hingga 2024, seramai 16,951 remaja hamil luar nikah, dan separuh daripadanya Melayu Islam.

Jemaah yang dirahmati Allah,

Benteng memelihara diri daripada maksiat ialah iman dan perasaan malu. Rasulullah SAW bersabda:

الْحَيَاءُ مِنَ الْإِيمَانِ

Bermaksud: "Malu itu sebahagian daripada iman."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Malu ialah sifat mulia yang akan memelihara diri daripada melakukan maksiat. Apabila sifat malu hilang dari hati, manusia tidak lagi segan melakukan maksiat, bahkan ada yang mempromosikannya melalui media sosial. Ada yang tanpa rasa takut mempamerkan hubungan bebas, rakaman tidak bermoral, kata-kata lucah, malah berbangga dengan perlakuan maksiat.

Benteng seterusnya ialah rasa takut kepada Allah SWT. Perasaan takut ini dibina dengan ilmu dan kesedaran bahawa Allah SWT Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Takutlah hukum Allah yang akan menimpa pelaku maksiat. Terlalu banyak peringatan Allah dalam al-Quran yang boleh menjadi pedoman.

Penguatkuasaan undang-undang juga dapat menjadi benteng kepada orang yang sentiasa mendahulukan akal sebelum bertindak. Beringatlah! kerana ramai orang yang terjebak dengan maksiat telah didakwa dan dihukum, menyebabkan ada yang hilang pekerjaan, dibuang sekolah atau universiti. Pepatah Melayu ada menyebut "Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tiada gunanya".

Fikirlah semasaknya sebelum 'membuka langkah' melakukan maksiat'. Orang yang bijak bukan sahaja meninggalkan maksiat, bahkan menjauhi semua jalan yang membawa kepadanya. Kata hukama' (para bijaksana): "Siapa yang menutup pintu maksiat pada awalnya, dia telah menyelamatkan dirinya dari seribu kesusahan pada akhirnya."

Keluarga ialah benteng pertama daripada gejala maksiat. Ketua keluarga, ibu dan bapa wajib memelihara rumah tangga daripada unsur maksiat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنْفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا...

Bermaksud: "Wahai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api neraka..." (Surah al-Tahrim ayat 6)

Kehebatan sesebuah keluarga terletak pada kasih sayang yang membawa ke syurga. Kasih sayang dengan memelihara ahli keluarga daripada bakaran api neraka. Oleh itu wahai ibu dan bapa, jagalah batas pergaulan anak-anak, kawal penggunaan telefon dan internet, berusaha bersungguh-sungguh mendidik akhlak dan ilmu agama untuk dijadikan benteng anak-anak, di samping ibu bapa menjadi contoh terbaik kepada mereka. Mencegah dengan pendidikan dan kawalan lebih baik daripada hukuman dan penyesalan.

Jemaah Rahimakumullah,

Khatib memperingatkan;

Pertama: Takutlah balasan dan seksaan Allah di dunia dan di akhirat kerana maksiat yang kita lakukan. Balasan di dunia sudah terasa begitu berat, apatah lagi jika ditimpa azab di akhirat.

Kedua: Jauhi semua perkara yang boleh mendorong kita melakukan maksiat, kerana maksiat merosakkan jiwa, menghilangkan berkat dan mencemar agama Islam yang mulia. **Ketiga:** Semangat *amar makruf nahi mungkar* hendaklah diteruskan. Kerjasama masyarakat membanteras maksiat amatlah penting dengan melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, kami berlindung kepada Mu daripada akhlak, perbuatan dan hawa nafsu yang buruk. Bimbing kami untuk mentaati dan mematuhi segala perintah Mu. Kurniai jiwa kami sifat ketakwaan dan istiqamah dalam kebenaran. Peliharalah kami dan zuriat kami daripada mendekati yang haram serta tempatkan kami dalam kalangan hamba Mu yang beriman dan beramal soleh.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.